

# Lela tidak cemburui Jun Hoong

UTUSAN MALAYSIA

3/8/2017 p. 36

**KUALA LUMPUR 2 Ogos** - Meskipun gelaran ratu terjun negara ketika ini kelihatan beralih tangan kepada Cheong Jun Hoong namun perkara itu langsung tidak mengganggu fikiran Pandelela Rinong.

Sebaliknya, penerjun kelahiran Sarawak itu tumpang gembira dengan kejayaan seniornya itu malah menegaskan dia kini berasa lebih lega kerana tekanan kepadanya berkurang sedikit kerana tidak lagi menjadi satu-satunya sandaran negara untuk meraih pingat dalam kejohanan antarabangsa.

"Sebenarnya saya tidak kisah dengan gelaran ratu terjun negara kerana sekadar gelaran. Semestinya saya turut tumpang gembira dengan kejayaan Jun Hoong meraih pingat emas kejohanan dunia, secara tidak langsung tekanan kepada saya sedikit berkurang.

"Dari segi prestasi, saya rasa sayakekalkan prestasi itu seperti biasa dan pasti akan ada pasang surutnya ekoran kecederaan yang dialami," katanya.

Dalam kejohanan terjun dunia

di Budapest, Hungry bulan lalu, 'Lela' berjaya merangkul pingat gangsa dalam acara 10m platform seirama bersama Jun Hoong. Bagaimanapun dalam acara individu dia sekadar menamatkan saingan di kedudukan kesembilan daripada 10 penerjun sementara Jun Hoong memahat sejarah baharu dalam sukan terjun negara apabila memenangi pingat emas dengan mengetepikan dua penerjun dari China, Ren Qian serta Si Yajie.

Katanya, kejayaan atlet dari Perak itu langsung tidak dicemburui, sebaliknya menjadi pembakar semangat kepadanya dan semua penerjun negara untuk berusaha lebih gigih.

"Jun Hoong adalah senior saya dan sepanjang berlatih bersama, dia langsung tidak mengenal erti putus asa dan sentiasa berusaha keras untuk berada dalam prestasi terbaik walaupun beberapa kali mengalami kecederaan. Dia merupakan *role model* kepada kami," ujarnya, yang meletakkan sasaran untuk memenangi pingat emas Sukan SEA bulan ini.



**PANDELELA RINONG (kanan) dan Cheong Jun Hong berganding untuk meraih pingat gangsa acara 10 meter platform seirama dalam Sukan Olimpik di Rio De Janeiro, Brazil tahun lalu.**